



# LEMBAGA JURUKUR TANAH MALAYSIA

(LAND SURVEYORS BOARD)

[ Ditubuhkan di bawah Akta Juruukur Tanah Berlesen 1958 ( Akta 458 ) ]

RUJUKAN TUAN: **LJT SULIT 42 Jld.12 (93)**  
RUJUKAN KAMI:  
(SILA NYATAKAN RUJUKAN SURAT KAMI APABILA BERHUBUNG)

ARAS 5 - 7, WISMA LJT  
LORONG PERAK  
PUSAT BANDAR MELAWATI  
53100 KUALA LUMPUR  
No. Telefon: 03-41085191  
No. Faksimili: 03-41085178  
e-mail: [secretary@ljt.org.my](mailto:secretary@ljt.org.my)  
laman web: [www.ljt.org.my](http://www.ljt.org.my)

29 Disember 2021  
24 Jamadilawal 1443H

## Semua Juruukur Tanah Berlesen

YBhg. Datuk/Dato'/Tuan/Puan,

### LESEN MENJALANKAN AMALAN BAGI TAHUN 2022

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas..

2. Untuk makluman YBhg. Datuk/Dato'/Tuan/Puan, bermula pada 7 Disember 2021, Lembaga Jurukur Tanah Malaysia (LJT) telah mengeluarkan lesen 2022 beserta cop rasmi, sijil firma, dan kad JTB yang menggunakan nombor LLS sebagai nombor rujukan. Namun begitu, LJT telah menerima surat daripada pihak PEJUTA rujukan **PJTBM/LJT/2021/6C/39(710)** bertarikh **13 Disember 2021** yang memohon agar pelaksanaannya ditangguhkan. Dalam mempertimbangkan perkara ini, LJT membuat keputusan untuk menangguhkan pelaksanaannya kepada satu tarikh yang akan dimaklumkan kelak.

3. Lanjutan daripada itu, LJT telah mengeluarkan lesen 2022 baru dengan menggunakan nombor RLS sepertimana yang diamalkan sebelum ini. Sehubungan dengan itu, YBhg. Datuk/Dato'/Tuan/Puan boleh mengambil lesen 2022 bermula 30 Disember 2021 di Kaunter Tingkat 5, Wisma LJT. Sekiranya YBhg. Datuk/Dato'/Tuan/Puan tidak dapat mengambil lesen tersebut secara fizikal, maka hendaklah dimaklumkan kepada LJT supaya penghantaran boleh dibuat melalui *courier*.

4. Selaras dengan itu, bagi mengelakkan sebarang kekeliruan dan permasalahan di masa hadapan, maka YBhg. Datuk/Dato'/Tuan/Puan yang telah mengambil lesen 2022 menggunakan nombor LLS diminta untuk memulangkannya kepada pihak LJT beserta cop rasmi, sijil firma dan kad JTB yang diterima.


5. Sebarang pertanyaan berkenaan perkara ini boleh berhubung dengan pegawai LJT **Puan Nazimah binti Ibrahim** di talian **03-41085191** atau email [nazimah.ib@ljt.org.my](mailto:nazimah.ib@ljt.org.my). Kerjasama dan perhatian YBhg. Dato'/Datuk/Tuan/Puan berkaitan perkara ini amatlah dihargai.

Sekian, terima kasih.

**“WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030”**

**‘BERKHIDMAT UNTUK NEGARA’**

Saya yang menjalankan amanah,



**(DATUK SRI ISMAIL BIN HARUN)**

Setiausaha dan Ketua Pegawai Eksekutif  
Lembaga Jurukur Tanah  
Malaysia

s.k

Timbalan Pengerusi  
Lembaga Jurukur Tanah Malaysia (LJT)